

Yasin mohon PM tambah baik undang-undang lapuk

PETALING JAYA - Penyanyi nasyid dan komposer, Muhammad Yasin Sulaiman memohon Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menimbang untuk menambah baik undang-undang lapuk yang tidak menepati perkembangan dan peradaban termasuk melibatkan Akta Dadah Berbahaya 1952.

Penyanyi itu berharap Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) membetul dan menambah baik undang-undang lapuk terutama kes berkaitan dadah yang kini tidak lagi mengikut peredaran semasa.

Dalam pada itu, Yasin, 47, turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan

tahniah kepada Anwar atas pelantikan beliau selaku Perdana Menteri pada 24 November lalu.

Yasin ditemui wakil media selepas prosiding sebutan di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis bagi mengetahui perkembangan representasi berkaitan tiga pertuduhan dadah yang dikemukakan kepada pihak pendakwaan.

Hakim Nik Nasimah Nik Mohammad menangguhkan keputusan representasi kepada 11 Januari ini selepas pihak pendakwaan memaklumkan masih menunggu keputusan ketiga-tiga representasi itu.

Sementara itu, Muhammad Yasin yang

diwakili peguam, Ariff Azamir Hussein berkata, pasukan pembelaan tetap optimis dengan representasi itu kerana ia berpaksikan kemanusiaan kesihatan akan diberi pertimbangan sewajarnya.

Dia yang juga diwakili peguam, Mohd Yusmadi Mohd Yusoff berkata, representasi yang dihantar dua bulan lalu amat lengkap kerana ia merangkumi aspek kesihatan anak guamnya itu.

"Ia disokong laporan oleh pakar bersama tiga laporan lain maka wajarlah ia diberi pertimbangan sebaik mungkin kerana keadilan tidak boleh dilengahkan sebaliknya dilakukan sekarang," katanya.